

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HGM 231 Geografi Manusia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. [a] Anda ditawarkan jawatan penyelidik yang bergaji lumayan di sebuah firma di bandaraya Kuala Lumpur. Bincangkan faktor-faktor tapak dan situasi yang akan anda pertimbangkan sebelum memilih untuk tinggal menetap dan bekerja di sana.

[15 markah]

- [b] Katakan anda akhirnya menolak tawaran tersebut. Apakah halangan-halangan sosio-budaya yang mempengaruhi keputusan anda, walaupun anda sukakan tawaran kerjanya?

[10 markah]

2. Satu fesyen pakaian wanita terbaru diperkenalkan dalam satu pertunjukan fesyen di kotaraya London dan ditonton oleh masyarakat Malaysia melalui rancangan NONA [TV3] seminggu kemudiannya.

- [a] Bincangkan bagaimana konteks perilaku manusia dan ciri-ciri fesyen baru akan menentukan berlaku atau tidaknya proses difusi ruangan fesyen tersebut di kalangan wanita Malaysia.

[10 markah]

.../2

[b] Andaikan fesyen tersebut diterima oleh wanita Malaysia, bincangkan proses difusi fesyen tersebut di atas ruang mengikut masa. Sokong keterangan anda tentang proses difusi fesyen dengan geraf-geraf yang relevan.

[15 markah]

3. Pilih dua [2] dari berikut dan bincangkan dari segi unsur-unsur utama, jarak budaya, diskriminasi (konflik), dasar awam dan kesan kepada perilaku ruangan manusia.

[a] Geografi Bahasa [12.5 markah]

[b] Geografi Agama [12.5 markah]

[c] Geografi Bangsa dan Etnik [12.5 markah]

[d] Geografi Gender [12.5 markah]

4. [a] Mengapa ahli geografi manusia berminat mengkaji migrasi? [10 markah]

[b] Bincangkan konsekwen-konsekwen migrasi ke atas lanskap manusia mengikut Richard Morill. [15 markah]

**BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan**

5. [a] Huraikan bagaimana pemahaman tentang faktor-faktor geografi mempengaruhi aktiviti ekonomi individu. [10 markah]

[b] Katakan kedai runcit di bangunan kantin di desasiswa anda tidak begitu berjaya dari segi operasinya. Bincangkan sejauh mana faktor lokasi mempengaruhi keadaan tersebut. [15 markah]

6. [a] Bagaimana masyarakat pra-pertanian dan sistem-sistem pertanian berikutnya dapat mempercukupkan bekalan makanan mereka?  
[15 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana penduduk negara membangun menjadi bergantung kepada ekonomi global.  
[10 markah]
7. Pilih dua [2] dari berikut dan bincangkan dari segi interaksi bandar, struktur ekonomi, teknologi, politik, budaya dan fizikal.
- [a] Bandar Terawal (Purba) [12.5 markah]
- [b] Bandar Industri [12.5 markah]
- [c] Bandar Negara Membangun Kontemporari [12.5 markah]
- [d] Sistem Bandar Wilayah dan Nasional [12.5 markah]
8. Bincangkan proses-proses perubahan ruangan bandar hasil dari keputusan manusia, pembangunan ekonomi, teknologi dan revolusi maklumat.  
[25 markah]

-ooo000ooo-